

**PENILAIAN ASPEK KONTEKS DAN INPUT BERKAITAN TAHAP PENCAPAIAN
KEMAHIRAN BACAAN TILAWAH AL-QURAN BERASASKAN PENGGUNAAN
KAEDAH WARNA TERHADAP KELANCARAN SEBUTAN BERTAJWID DALAM
KALANGAN PELAJAR-PELAJAR TAHUN LIMA SEKOLAH KEBANGSAAN
BUKIT BESI, DUNGUN, TERENGGANU**

**(An Evaluation On Context And Input Of Reciting Tilawah Al-Quran Performance Based On
Colour Method Towards Tajwid Recitation Fluency Among Standard Five Students Of Sekolah
Kebangsaan Bukit Besi, Dungun, Terengganu)**

* Sapie Sabilan¹, Harzita Ismail², Suhana Mohamed Lip¹, Mohamad Fuad Ishak¹, Siti Nga'ishah Mohni³

¹Fakulti Pendidikan
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
43000 Kajang, Selangor, Malaysia.

²Sekolah Kebangsaan Bukit Besi
Bandar Bukit Besi
23200 Dungun, Terengganu, Malaysia.

³Sekolah Kebangsaan Ulu Semenyih
Jalan Sungai Lalang,
43500 Semenyih, Selangor, Malaysia.

*Corresponding author's email: sapie@kuis.edu.my

Article History:

Submit: 7 October 2016

Accepted: 23 November 2016

Revised: 11 January 2017

Published: 28 December 2017

Attarbawiy: Malaysian Online Journal of Education

Vol. 1, No. 2 (2017), 20-31

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk menilai tahap pencapaian kemahiran bacaan tilawah al-Quran berasaskan penggunaan kaedah warna terhadap kelancaran sebutan bertajwid dalam kalangan pelajar-pelajar tahun lima Sekolah Kebangsaan Bukit Besi, Dungun, Terengganu. Kajian ini menggunakan kaedah metod campuran (*mixed metode*) berbentuk deskriptif iaitu metod kualitatif dan kuantitatif. Dalam kajian ini, populasi adalah terdiri daripada 74 orang pelajar tahun lima. Kajian ini melibatkan seramai 63 orang pelajar sebagai responden. Penentuan bilangan sampel menggunakan Jadual Krejcie dan Morgan (1970). Kajian dijalankan dalam bentuk tinjauan yang menggunakan ujian pencapaian dan soal selidik sebagai alat mengumpul maklumat. Ujian pencapaian melalui kaedah tasmik dan mengikut rubrik penilaian yang ditetapkan telah digunakan bagi mengukur tahap bacaan responden berdasarkan kaedah warna bertajwid. Satu set soalan kaji selidik yang mengandungi bahagian A dan B telah diedar, dijawab dan dikumpul bagi mengutip data responden. Bahagian A digunakan untuk mengenalpasti latar belakang pelajar merangkumi jantina, pembelajaran al-Quran di luar waktu sekolah dan taraf pendidikan keluarga. Bahagian B pula mengandungi empat kategori penilaian iaitu berdasarkan Model CIPP, Stufflebeam, D.L. (2000). Data kuantitatif dianalisis dengan menggunakan perisian *IBM SPSS Statistic 20.0* secara deskriptif. Secara keseluruhannya, hasil kajian ini mendapati keberkesanan kaedah warna bertajwid adalah amat baik dan menepati piawaian dari aspek konteks dan produk. Namun dari sudut input iaitu kemahiran tajwid dan proses dari aspek sistem penilaian pelajar perlu ditambahbaik bagi mempertingkatkan keberkesanan tilawah bertajwid dalam kalangan pelajar dan seterusnya menjadi amalan dalam kehidupan seharian.

Kata kunci: Kaedah warna, Amalan, dan Tilawah Al-Quran.

Abstract

This research is to evaluate the level of performance in Tilawah Al Quran reciting skills based on color method towards tajwid recitation fluency among standard five students of Sekolah Kebangsaan Bukit Besi, Dungun, Terengganu. This study is a descriptive research of a mixed method of quantitative and qualitative research methodology. The focus population involved 74 standard five students and 63 students as respondents. The selected number of respondents was determined by using Krejcie and Morgan (1970) sampling table. This survey is using performance test and a set of questionnaire as data collection methods. Performance test is structured using tasmik method and assessmet rubric to measure the level of reciting skills among respondents through tajwid color method.

A set of questionnaire has been distributed, collected and analyzed as respondents' data. Part A of the questionnaire is to determine the respondents' background like gender, learning activities after school hours and the level of education for family background. Part B consists of four evaluation categories based on CIPP Model, Stufflebeam, D.L. (2000). Quantitative data were analyzed descriptively using IBM SPSS Statistic 20.0. Generally, the research outcome shows that tajwid colour method is effective and fulfills the standard criteria of context and product evaluation aspects. Nonetheless, input or the aspect of tajwid skills and process or the aspect of students' evaluation system can be improved further to upgrade the effectiveness of tilawah in the aspect of tajwid among students as to be practiced in their daily life situations.

Keywords : Colour Method, Practice.

1.0 PENDAHULUAN

Al-Quran merupakan kitab mukjizat yang menjadi rujukan dan tumpuan para ilmuan dan cendekiawan. Umat Islam dituntut membaca al-Quran kerana hikmah yang terkandung di dalamnya selain untuk dikaji, dihayati dan diamalkan. Al-Quran juga merupakan mukjizat kurniaan Allah SWT kepada hambaNya, sesuai digunakan sepanjang zaman dan isi kandungannya mencakupi semua aspek kehidupan manusia. Lantaran itu, umat Islam dituntut agar membaca al-Quran dengan betul dari segi tajwid dan makhrjanya. Kelangsungan daripada itu, pihak Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengambil langkah yang lebih sistematik dengan mewajibkan semua pelajar muslim mempelajari al-Quran melalui mata pelajaran Pendidikan Islam secara lebih formal bermula dari kurikulum KLSR, KBSR dan yang terkini KSSR. Memandangkan pengajaran tilawah al-Quran melibatkan pengajaran kemahiran, maka berdasarkan Rohizani et al (2005) dalam Kamarul Azmi Jasmi & Mohd Aderi (2013) menjelaskan bahawa mengajar kemahiran perlu menekankan kepada arahan, demonstrasi dan pembaikan kesilapan pelajar. Oleh itu keberkesanan dalam menyampaikan sesuatu isi pelajaran banyak bergantung kepada pengetahuan Pedagogi Kandungan (PPK) yang dimiliki guru (Tickle, 2000).

Menurut Abdul Raof (1998) juga dalam Kamarul Azmi Jasmi & Mohd Aderi (2013), gabungan pelbagai aktiviti pengajaran yang melibatkan strategi, pendekatan, kaedah dan teknik akan membawa kepada pengajaran yang berkesan. Selain itu pentaksiran juga diperlukan bagi membuat penilaian terhadap pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan sebelum, ketika dan selepas pengajaran dan pembelajaran agar guru mengetahui tahap pencapaian yang mereka capai. Seterusnya pengajaran berkesan juga berkait rapat dengan keperibadian guru apatah lagi jika berkaitan dengan pengajaran anak-anak yang kecil (Kamarul Azmi, 2010). Menurut Siti Afifah (2014), sebagai galakan dan perangsang kepada pelajar yang membaca dan belajar tentang al-Quran, Rasulullah SAW menjelaskan bahawa mereka terbahagi kepada dua golongan, iaitu *mubsin ma'jur* dan *musi' ma'jur*. Dalam konteks ini, pengajaran dan pembelajaran tilawah al-Quran secara tajwid berwarna diharap dapat membantu meningkatkan amalan dalam pembacaan harian pelajar.

2.0 LATAR BELAKANG KAJIAN

Tilawah al-Quran merupakan satu bidang pelajaran yang sangat penting kepada pelajar yang beragama Islam agar dapat menguasai sepenuhnya kemahiran membaca al-Quran dengan betul dan bertajwid. Namun begitu, kebanyakan pelajar tidak memenuhi ciri-ciri pembacaan al-Quran yang baik walaupun telah melalui enam tahun pembelajaran di sekolah rendah. Bertitik tolak daripada masalah besar yang melibatkan kelemahan pelajar dalam menguasai kemahiran membaca al-Quran secara bertajwid, maka kajian kaedah warna dalam amalan tilawah al-Quran secara bertajwid akan dijalankan bagi mengetahui sejauh manakah keberkesannya telah diamalkan. Oleh sebab itu, pelajar-pelajar tahun lima dipilih sebagai responden bagi mencari jawapan sebenar terhadap tahap amalan bacaan bertajwid mereka dalam tilawah al-Quran sebelum mereka melangkah ke sekolah menengah. Hasil kajian yang diperolehi akan dijadikan sebagai kayu pengukur bagi menambah baik prestasi dan persepsi pelajar-pelajar terhadap amalan bacaan yang betul dan bertajwid.

3.0 PERMASALAHAN KAJIAN

Berdasarkan refleksi pengajaran penyelidik dan kebanyakan guru, para pelajar dilihat dapat menguasai bacaan al-Quran menerusi *tasmik* dengan baik tetapi agak kurang penghayatan dalam mengadaptasi tajwid

dalam bacaan mereka. Walaupun pelbagai kaedah digunakan dalam pengajaran iaitu secara *talaqqi musyafahah* dan latih tubi, namun para pelajar didapati tidak mengaplikasikannya pada pembelajaran seterusnya. Berikut adalah analisa Peperiksaan Pertengahan Tahun Murid-Murid Tahun Lima Sekolah Kebangsaan Bukit Besi 2015:

Hasil daripada post mortem analisis mata pelajaran Pendidikan Islam Tahun Lima dalam Peperiksaan Pertengahan Tahun 2015, 43.24% murid mendapat gred A, 20.27% mendapat B, 31.09% mendapat C dan 5.40% gagal. Walaupun purata lulus adalah baik iaitu 94.60% namun jika diuji dari sudut bacaan tilawah (berdasarkan Buku Rekod Tasmik) mereka, masih banyak yang perlu diperbaiki. Berdasarkan kajian Computer Technology Research, menyatakan bahawa seseorang individu dapat menyimpan 80 peratus daripada apa yang mereka lihat, dengar dan buat serentak (Muhamad Hassan Abd Rahman. 2000).

Jadual 1: Analisa Peperiksaan Pertengahan Tahun 2015

Tahun	Bil	MATA PELAJARAN PENDIDIKAN ISLAM												
		A	%	B	%	C	%	J	% Lulus	D	%	E	%	% Gagal
5 Z	31	25	81.00	2	6.00	4	13.00	31	100%	-	-	-	-	-
5 N	25	7	28.00	8	32.00	9	36.00	24	96.00%	1	4	-	-	4%
5 B	18	-	-	5	27.80	10	55.55	15	83.30%	1	5.55	2	11.11	16.7%
JUM	74	32	43.24	15	20.27	23	31.09	70	94.60%	2	2.7	2	2.7	5.40%

Berdasarkan kajian oleh Hajijah Hassan (2008), Juliza Rosli (2010), Zulina dan Ramlah (2012) mereka melaporkan penggunaan warna pada huruf-huruf Mad Asli dalam pembelajaran murid dapat meningkatkan kefahaman konsep dan isi pelajaran. Menurut Baharuddin (2002) dalam Nornajidah (2007) menyatakan bahawa warna adalah lebih berkuasa untuk menonjolkan sesuatu maklumat berbanding bentuk. Justeru itu, pengkaji akan menginovasikan pendekatan dan kaedah pengajaran supaya objektif P&P tercapai.

4.0 OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini secara umumnya bertujuan mengkaji keberkesanan kaedah warna dalam amalan tilawah Al-Quran secara bertajwid di Sekolah Kebangsaan Bukit Besi, Dungun, Terengganu. Bagi mencapai tujuan tersebut, beberapa objektif khusus ditetapkan dalam kajian ini iaitu:

4.1 Menilai tahap keberkesanan kaedah warna dalam amalan tilawah Al-Quran secara bertajwid dalam penilaian konteks yang mempunyai elemen-elemen di bawah:

- Tahap kerelevanan matlamat dan hasil pembelajaran tajwid berwarna.
- Tahap pelaksanaan pembelajaran tajwid.

4.2 Menilai tahap keberkesanan kaedah warna dalam amalan tilawah Al-Quran secara bertajwid dalam penilaian input yang mempunyai elemen-elemen di bawah:

- Tahap kemahiran dan pengetahuan kod tajwid berwarna.
- Tahap kemudahan/prasarana.
- Tahap kurikulum.

5.0 PERSOALAN KAJIAN

Kajian yang dijalankan ini akan menjawab persoalan-persoalan kajian yang berkaitan penilaian konteks dan input keberkesanan kaedah warna dalam amalan tilawah Al-Quran secara bertajwid berdasarkan objektif kajian yang telah ditetapkan. Persoalan kajian yang ingin dijawab oleh kajian ini adalah seperti berikut :

- Sejauh manakah tahap kerelevanan matlamat dan hasil pembelajaran tajwid berwarna serta pelaksanaan pembelajaran tajwid tersebut?

- b) Sejauh manakah tahap kemahiran dan pengetahuan kod tajwid berwarna, kemudahan/prasarana dan kandungan kurikulum?

6.0 BATASAN KAJIAN

Kajian ini terbatas kepada penguasaan bacaan bertajwid melalui mashaf al-Quran Rasm Uthmani. Di dalam al-Quran ini telah tersedia adanya hukum-hukum bacaan bertajwid melalui kaedah warna. Kajian ini melibatkan 63 orang pelajar tahun lima Sekolah Kebangsaan Bukit Besi yang boleh membaca al-Quran iaitu yang belum ataupun sudah khatam al-Quran. Oleh itu, mereka akan diuji dengan beberapa siri ujian lisan untuk melihat kepekaan mereka terhadap huruf-huruf dan kalimah berwarna. Setiap pelajar akan dinilai bacaan mereka hanya satu muka surat setiap orang sewaktu pengajaran dan pembelajaran (P&P) melalui kaedah *tasmik*. Penerangan terlebih awal akan diberikan sebelum bacaan secara individu berlangsung. Setelah selesai ujian bacaan, baharulah soal selidik dijalankan ke atas mereka.

7.0 METODOLOGI KAJIAN

Dalam kajian ini penyelidik memilih reka bentuk kajian yang berbentuk campuran (*mixed metode*) iaitu metod kualitatif dan kuantitatif. Data yang dikutip pula lazimnya merangkumi data deskriptif (kualitatif) dan maklumat statistik (kuantitatif). Melalui reka bentuk kajian tinjauan ini penyelidik akan dapat mengumpul maklumat dan mengutip data secara langsung dengan responden berkaitan sikap, pendapat, kepercayaan semasa dan lain-lain maklumat yang berkaitan dengan sekumpulan orang iaitu pelajar. Kajian ini juga dijalankan berlandaskan penggunaan Model CIPP (*Context, Input, Process dan Product*) Stufflebeam, D.L. (2000) bagi membuat penilaian yang lebih berkesan. Hal ini kerana pendekatan CIPP adalah berasaskan pendapat dan pandangan bahawa tujuan penilaian sangat penting dan ia bukan untuk memberi bukti tetapi untuk meningkatkan tahap kesedaran dan amalan pelajar khususnya dalam pembacaan al-Quran secara bertajwid yang konsisten dalam kehidupan. Penilaian konteks adalah untuk melihat objektif kajian dan keutamaannya dapat dicapai. Penilaian input pula bagi mengenal pasti sumber dan langkah-langkah yang bersesuaian dengan kaedah yang dijalankan. Penilaian proses pula melibatkan sokongan pelbagai pihak dan bahan bantu dalam kaedah yang digunakan. Manakala penilaian produk pula ialah hasil yang tercipta dari kesemua proses yang dijalankan. Ringkasnya, kajian ini dijalankan bagi mengkaji tentang tahap pencapaian kemahiran bacaan bertajwid pelajar berasaskan penggunaan kaedah warna. Ia melibatkan ujian bacaan, soal selidik serta mengambil data rekod pembelajaran *tasmik* pelajar. Berikut adalah kaedah warna yang terdapat di dalam mashaf al-Quran Rasm Uthmani yang akan digunakan oleh penyelidik:

Jadual 3: Kod Warna Tajwid

	Qalqalah
	Tafkhir ra (الراء)
	Tidak dilafazkan
	Dengung: 2 harakat
	Mad: 2 harakat
	Mad: 2,4,& 6 harakat
	Mad: wajib 4/5 harakat
	Mad: 6 harakat

Ujian bacaan secara bertajwid mengikut kaedah warna akan dilakukan dari semasa ke semasa sehingga kesemua pelajar dapat dinilai dan direkod pencapaian masing-masing. Satu set soal selidik akan

diedarkan kepada sampel kajian. Kajian ini berbentuk deskriptif iaitu tujuan kajian ini untuk mengetahui sejauhmana keberkesanan amalan tilawah al-Quran dari sudut tajwid berasaskan warna dapat diamalkan oleh pelajar-pelajar tahun lima di sekolah ini.

Dalam kajian ini, jumlah keseluruhan pelajar tahun lima adalah seramai 74 orang. Maka sampel kajian dipilih secara rawak terdiri daripada pelajar-pelajar tahun lima seramai 63 orang di Sekolah Kebangsaan Bukit Besi. Pemilihan sampel dibuat berdasarkan penentuan saiz sampel Krejcie dan Morgan (1970) yang telah menyenaraikan saiz sampel yang berpadanan dengan saiz populasi kajian. Menurut Mohd Najib (1998) menyatakan bahawa cara ini amat baik kerana lebih besar sampel yang digunakan oleh para penyelidik akan membantu para penyelidik mendapatkan kebolehppercayaan yang tinggi. Di samping itu, para penyelidik juga dapat mengurangi kesilapan keputusan atau masalah kebarangkalian.

7.1 Instrumen Kajian

Instrumen yang digunakan untuk mengumpul data dalam kajian ini ialah melalui rubrik bacaan *tasmik* pelajar dan satu set borang soal selidik pelajar terhadap keberkesanan kaedah warna dalam amalan tilawah al-Quran dari aspek tajwidnya. Kandungan borang soal selidik dibahagikan kepada dua bahagian iaitu bahagian A dan bahagian B.

Bahagian A bertujuan mendapatkan maklumat dan latar belakang responden antaranya termasuklah jantina, bilangan adik-beradik, pekerjaan ibu bapa, pendidikan ibu bapa/penjaga dan sebagainya. Responden dikehendaki menanda pilihan jawapan pada ruangan yang sesuai. Bahagian B pula mengandungi item-item yang diklasifikasikan mengikut persoalan kajian berdasarkan konteks, input, proses dan produk. Soalan-soalannya berkaitan dengan keberkesanan amalan tilawah al-Quran dalam kalangan pelajar tahun lima mengikut aspek tajwid berwarna. Komponen-komponen penilaian dalam item soal selidik berdasarkan CIPP dapat dilihat sebagaimana jadual di bawah:

Jadual 4: Komponen Penilaian Tilawah Bertajwid Berasaskan Warna

Item	Subitem	Jumlah Item
Konteks	Tahap Kerelevanan Matlamat Dan Hasil Pembelajaran Tajwid Berwarna	3
	Tahap Pelaksanaan Pembelajaran Tajwid	3
Input	Tahap Kemahiran Dan Pengetahuan Kod Tajwid Berwarna	13
	Tahap Kemudahan/Prasarana	3
	Tahap Kurikulum	3
Jumlah		25

Soal selidik ini disediakan berdasarkan Skala *Likert*. Skor yang didapati dalam ujian soal selidik diberi markah seperti jadual di bawah:

Jadual 5: Skor Soal Selidik

Pilihan Jawapan	Kadar Skor
Sangat Setuju	5
Setuju	4
Kurang Setuju	3
Tidak Setuju	2
Sangat Tidak Setuju	1

Sumber: Kaedah Penyelidikan (Mahizer et al.)

Penggunaan soal selidik digunakan untuk mendapatkan maklumat dari responden. Penggunaan soal selidik juga dapat menjimatkan masa, tenaga dan kos. Rubrik bacaan *tasmik* responden pula telah direkod mengikut skor pemarkahan ujian lisan sepertimana jadual di bawah:

Jadual 6: Skor Bacaan Al-Quran

Bil	Kategori Bacaan	Skor	Pencapaian
1.	Membaca dengan lancar, fasohah dan bertajwid	31 – 40	Cemerlang
2.	Membaca dengan lancar dan bertajwid	21 – 30	Baik
3.	Membaca kurang lancar tetapi bertajwid	15 – 20	Sederhana
4.	Membaca dengan lancar tetapi tidak bertajwid	11 – 15	Lemah
5.	Membaca tidak lancar dan tidak bertajwid	0 – 10	Amat Lemah

Ubahsuai daripada Model dan Modul Pengajaran & Pembelajaran j-QAF (2004)

7.2 Proses Pengumpulan Data

Penyelidik mengumpul data sewaktu melakukan pemantauan terhadap kajian ini. Pengumpulan data kuantitatif adalah dalam bentuk instrumen soal selidik. Pengumpulan data kualitatif pula adalah melalui borang penilaian yang diisi oleh guru berdasarkan rubrik bacaan pelajar semasa *tasmik*. Data kualitatif ini digunakan untuk menyokong data kuantitatif. Langkah-langkah yang digunakan untuk menjayakan kajian ini ialah:

- a) Mendapat kelulusan daripada pihak universiti bagi menjalankan kajian ini.
- b) Menyediakan proposal.
- c) Memohon kebenaran daripada Guru Besar untuk menjalankan kajian.
- d) Menjalankan ujian bacaan (*tasmik*) berasaskan warna terhadap responden.
- e) Membina item soal selidik dan menjalankan ujian rintis bagi menilai kesahan kandungan soalan tersebut.
- f) Penyelidik akan bertemu dengan responden untuk memohon kerjasama mereka bagi menjawab soal selidik tersebut setelah diberi penjelasan. Responden akan diberi masa menjawab semua soalan dalam set soal selidik.
- g) Satu set soalan soal selidik sebenar akan diberikan kepada semua responden.
- h) Borang soal selidik yang telah lengkap dikumpulkan untuk tujuan penyemakan dan penganalisisan. Kerjasama dari responden sangat dihargai untuk membantu kelancaran agar tidak menjejaskan hasil dapatan kajian.

Pengumpulan data kuantitatif dilakukan melalui borang soal selidik diserahkan kepada responden untuk dijawab dan dikutip semula oleh penyelidik apabila selesai dijawab. Semua data yang diperolehi akan dikumpulkan dan dianalisis mengikut perisian *Statistical Package for Social Science* (SPSS) versi 20.0. Pengumpulan data kualitatif pula dilaksanakan dengan menggunakan kaedah *tasmik* iaitu ujian bacaan kepada semua responden bagi menilai kualiti bacaan. Catatan rekod juga dianalisis bagi mengetahui pencapaian semasa responden dalam tilawah al-Quran.

7.3 Kaedah Analisis Data

Peringkat awal kajian, penyelidik terlebih dahulu melaksanakan kajian rintis untuk menilai tahap kesahan instrumen soal selidik yang dibina. Setelah itu edaran soal selidik sebenar dilakukan. Data-data sebenar dikutip dan dikumpul serta dianalisis dengan menggunakan pengiraan jumlah kekerapan dan diberi peratusan serta min (kuantitatif). Tujuannya untuk menggambarkan set data yang terkumpul dan membolehkan taburan kekerapan dilakukan. Pemprosesan data kualitatif pula dilakukan melalui penilaian *tasmik* berdasarkan rubrik yang telah dibina dan akan diberi nilai kekerapan dan peratusan bacaan yang diperolehi oleh responden. Data ini bertujuan untuk menyokong dan memperkayakan data kuantitatif. Sehubungan itu, analisis statistik deskriptif yang digunakan dapat memaparkan hal yang berkaitan dengan *variabel* tentang keberkesanan amalan tilawah al-Quran dari aspek kaedah tajwid berwarna dalam kalangan pelajar-pelajar tahun lima Sekolah Kebangsaan Bukit Besi, Dungun Terengganu.

8.0 DAPATAN DATA KUALITATIF BERDASARKAN UJIAN TSMIK

Ujian bacaan atau *tasmik* telah dijalankan kepada 63 responden secara individu. Analisis pencapaian responden terhadap ujian *tasmik* tajwid berwarna dapat dilihat berdasarkan indikator dan jadual di bawah :

Jadual 7: Indikator Dan Taburan Kekerapan Serta Peratusan Responden Berdasarkan Ujian *Tasmik*

Indikator Penilaian

Skor 1: Cemerlang, Skor 2: Baik, Skor 3: Sederhana, Skor 4: Lemah, Skor 5: Amat Lemah

Skor Markah	Kekerapan	Peratusan (%)
Skor 1	31	49.2 %
Skor 2	21	33.3%
Skor 3	10	19.9%
Skor 4	1	1.6%
Skor 5	-	0 %
Jumlah	63	100.0 %

Hasil ujian yang dijalankan menunjukkan kebanyakan pelajar boleh membaca al-Quran dengan baik berpanduan *masbaf al-Quran Rasm Uthmani* yang terkini iaitu mempunyai kod tajwid berwarna

dengan peratusan skor 1 bagi cemerlang iaitu sebanyak 49.2% atau 31 orang, skor 2 bagi bacaan yang baik pula sebanyak 33.3% menunjukkan 21 orang, manakala 10 orang mewakili 19.9% bagi bacaan yang sederhana di skor 3. Daripada 63 pelajar yang dinilai hanya seorang sahaja yang lemah bacaannya dan tiada pada nilai skor 5 iaitu skor yang amat lemah. Ini menunjukkan bahawa pelajar-pelajar boleh mempraktikkan bacaan yang lebih baik jika sering diberi penegasan dan penilaian. Hal ini boleh menjadikan mereka lebih konsisten dalam mengamalkan bacaan al-Quran yang sempurna.

9.0 DAPATAN DATA KUANTITATIF KAJIAN BAGI TAHAP PENILAIAN KONTEKS

Penganalisan dilakukan berpandu jadual serta berdasarkan borang soal selidik yang dikemukakan kepada sampel-sampel terbabit. Skala *Likert* lima mata digunakan dalam kajian ini. Skor yang digunakan ialah Sangat Tidak Setuju dengan skor 1, Tidak Setuju dengan skor 2, Kurang Setuju bagi skor 3, Setuju bagi skor 4 dan Sangat Setuju bagi skor 5. Data yang diperolehi dianalisis dengan menggunakan statistik deskriptif yang melibatkan peratusan dan min. Soal selidik ini juga dibina berdasarkan skala *Likert* 1 hingga 5 yang telah dikategorikan dan diinterpretasikan kepada empat tahap seperti dalam jadual 8 di bawah:

Jadual 8: Interpretasi Skor Purata (Skala *Likert* 5)

Skor purata	Interpretasi
1.0 hingga 2.00	Rendah
2.01 hingga 3.00	Sederhana Rendah
3.01 hingga 4.00	Sederhana Tinggi
4.01 hingga 5.00	Tinggi

Sumber: Azhar Ahmad (2006) dan Ahmad Munawwar (2009)

Jadual 9: Tahap Kerelevanan Matlamat Dan Hasil Pembelajaran Tajwid Berwarna

Bil	Item	1	2	3	4	5	Min	S.P	Interpretasi
1	Matlamat kaedah warna adalah untuk memastikan pelajar boleh membaca al-Quran secara bertajwid yang konsisten.	-	4 6.3%	12 19.0%	29 46.0%	18 28.6%	3.97	0.86	Sederhana Tinggi
2	Matlamat perekodan <i>tasmik</i> adalah untuk memahami situasi sebenar pembacaan al-Quran di bilik darjah.	-	1 1.6%	9 14.3%	43 68.3%	10 15.9%	3.98	0.60	Sederhana Tinggi
3	Matlamat kaedah warna sesuai dengan pengajaran dan pembelajaran (P&P) masa kini. (Pembelajaran Abad ke-21)	-	2 3.2%	19 30.2%	31 49.2%	11 17.5%	3.81	0.75	Sederhana Tinggi
Purata skor min							3.92		Sederhana Tinggi

Jadual 9 menerangkan bilangan pelajar yang memilih skor 1 hingga 5 bagi soal selidik. Analisis bagi penilaian konteks dari jadual tersebut adalah berkaitan matlamat dalam kaedah warna dan perekodan *tasmik* dalam pembelajaran. Hasil analisis bagi soalan 1, tiada responden yang memilih skor 1, manakala 6.3% memilih skor 2, 19% pula memilih skor 3, 46% skor 4 dan 28.6% untuk skor 5. Begitu juga bagi soalan 2 tiada responden yang memilih bagi nilai skor 1, manakala 1.6% memilih skor 2, skor 3 pula hanya 14.3%, 68.3% adalah di skor 4 dan untuk skor 5 adalah seramai 15.9%. Bagi soalan 3 pula seramai 3.2% yang membuat pilihan bagi skor 2, skor 3 pula seramai 30.2%, skor 4 adalah sebanyak 49.2%, 17.5% pula untuk skor 5 dan tiada responden yang memilih skor 1. Perincian purata min keseluruhan menunjukkan kesemua item berada di aras hampir tinggi dengan nilai 3.92. Ini menunjukkan bahawa responden memahami matlamat pembelajaran tajwid berwarna. Penilaian konteks bagi tahap pelaksanaan pembelajaran tajwid pula, jadual dan huraian dapat dilihat dalam Jadual 10.

Soalan penilaian yang berkaitan tempoh pembelajaran tajwid, seramai 7.9% membuat pilihan bagi skor 2, 17.5% adalah bagi skor 3, manakala 55.6% bagi skor 4, dan hanya 19% untuk skor 5 serta tiada pilihan bagi skor 1. Bagi soalan 2 dan 3 pula, masing-masing memilih sebanyak 1.6% untuk skor 1, tiada pemilihan skor 2 bagi soalan 2 tetapi sebanyak 4.8% bagi soalan 3. Skor 3 pula masing-masing 17.5% bagi soalan 2 dan 22.2% bagi soalan 3. Skor 4 pula, 39.7% untuk Soalan 2 dan 50.8% untuk soalan 3. Skor 5

pula sebanyak 41.3% membuat pilihan dalam soalan 2 dan 20.6% untuk soalan 3. Perincian nilai keseluruhan min pula menunjukkan hampir kesemua item menghampiri nilai tinggi iaitu sederhana tinggi dengan nilai paling tinggi ialah 4.19. Ringkasnya, responden amat berpuashati dengan pembelajaran al-Quran secara bertajwid.









Jadual 10: Tahap Pelaksanaan Pembelajaran Tajwid

Bil	Item	1	2	3	4	5	Min	S.P	Interpretasi
1	Tempoh pembelajaran tajwid dapat mencapai matlamat dan objektif pembelajaran al-Quran secara bertajwid.	-	5 7.9%	11 17.5%	35 55.6%	12 19.0%	3.86	0.82	Sederhana Tinggi
2	Latih tubi bacaan mampu meningkatkan penguasaan bacaan bertajwid.	1 1.6%	-	11 17.5%	25 39.7%	26 41.3%	4.19	0.83	Tinggi
3	Tempoh pembelajaran al-Quran dapat memenuhi keperluan pelajar dalam mendalami ilmu tajwid.	1 1.6%	3 4.8%	14 22.2%	32 50.8%	13 20.6%	3.84	0.86	Sederhana Tinggi
Purata skor min							3.96		Sederhana Tinggi

10.0 DAPATAN DATA KUANTITATIF KAJIAN BAGI TAHAP PENILAIAN INPUT

Penilaian Input dinilai melalui kaedah dan skor yang sama iaitu dengan menggunakan Skala Likert. Penganalisan Penilaian Input telah dipecahkan kepada 3 bahagian mengikut kemahiran, kemudahan dan kurikulum yang telah diperincikan dalam jadual di bawah:

Jadual 11: Penilaian Input: Kemahiran Tajwid

Bil	Item	1	2	3	4	5	Min	S.P	Interpretasi
1	Saya memahami dengan jelas maksud tajwid.	-	4 6.3%	23 36.5%	30 47.6%	6 9.5%	3.60	0.75	Sederhana Tinggi
2	Saya biasa melihat kepelbagaian warna dalam ayat-ayat al-Quran.	2 3.2%	1 1.6%	9 14.3%	28 44.4%	23 36.5%	4.10	0.93	Tinggi
3	Saya menguasai bacaan dengung dengan baik	-	3 4.8%	20 31.7%	31 49.2%	9 14.3%	3.73	0.77	Sederhana Tinggi
4	Saya amat berhati-hati ketika membaca bacaan <i>mad</i> (panjang)	-	3 4.8%	11 17.5%	30 47.6%	19 30.2%	4.03	0.82	Tinggi
5	Saya mengetahui maksud warna ini. 	2 3.2%	7 11.1%	21 33.3%	18 28.6%	15 23.8%	3.59	1.07	Sederhana Tinggi
6	Saya mengetahui maksud warna ini. 	1 1.6%	4 6.3%	23 36.5%	25 39.7%	10 15.9%	3.62	0.89	Sederhana Tinggi
7	Saya mengetahui maksud warna ini. 	1 1.6%	8 12.7%	27 42.9%	16 25.4%	11 17.5%	3.44	0.98	Sederhana Tinggi
8	Saya mengetahui maksud warna ini. 	-	6 9.5%	24 38.1%	22 34.9%	11 17.5%	3.60	0.89	Sederhana Tinggi
9	Saya mengetahui maksud warna ini. 	3 4.8%	7 11.1%	27 42.9%	20 31.7%	6 9.5%	3.30	0.96	Sederhana Tinggi
10	Saya mengetahui maksud warna ini. 	-	10 15.9%	22 34.9%	23 36.5%	8 12.7%	3.46	0.91	Sederhana Tinggi
11	Saya mengetahui maksud warna ini. 	2 3.2%	4 6.3%	21 33.3%	25 39.7%	11 17.5%	3.62	0.96	Sederhana Tinggi
12	Saya mengetahui maksud warna ini. 	2 3.2%	5 7.9%	25 39.7%	12 19.0%	19 30.2%	3.65	1.10	Sederhana Tinggi
13	Saya boleh menyebut huruf-huruf <i>qalqalah</i> dengan betul	-	8 12.7%	15 23.8%	28 44.4%	12 19.0%	3.70	0.93	Sederhana Tinggi
Purata skor min							3.65		Sederhana Tinggi

Jadual 11 dari penilaian input memberikan statistik dari item 1 hingga 13. Bagi item soalan 1 tiada seorang responden pun yang memilih skor 1, namun 6.3% yang memilih skor 2. Bagi yang kurang pasti iaitu skor 3 seramai 36.5%, yang bersetuju pula 47.6% dan amat bersetuju sebanyak 9.5%. Ini menunjukkan sebahagian besar pelajar telah memahami maksud tajwid walaupun ada yang masih kesamaran. Statistik bagi soalan 2 iaitu persoalan tentang kebiasaan melihat kepelbagaian warna dalam al-Quran, 3.2% memilih skor 1, 1.6% bagi skor 2, 14.3% skor 3, 44.4% skor 4 dan 36.5% bagi skor 5. Dapatan bagi soalan 3 pula (bacaan dengung), tiada responden yang memilih skor 1, 4.8% memilih skor 2, 31.7% memilih skor 3, 49.2% memilih skor 4 dan skor 5 sebanyak 14.3%. Persoalan 4 yang melibatkan bacaan *mad* pula, dapatan kajian juga mendapati tiada yang memilih skor 1, manakala sebanyak 4.8% untuk skor 2, 17.5% skor 3, 47.6% untuk skor 4 dan 30.2% memilih skor 5. Ini menunjukkan responden memahami kaedah bacaan dengung dan *mad* dengan baik.

Dapatan dari persoalan 5 hingga 12 yang melibatkan pengetahuan warna responden mendapati kiraan min bagi setiap kod warna mengikut susunan soalan adalah 3.59, 3.62, 3.44, 3.60, 3.30, 3.46, 3.62 dan 3.65. Kesemua nilai min mempunyai nilai yang setara iaitu sederhana tinggi. Manakala statistik peratusan dapat dilihat sepertimana jadual. Hasil dapatan untuk soalan 13 berkaitan huruf-huruf *qalqalah* pula, didapati tiada responden yang memilih skor 1 iaitu Sangat Tidak Bersetuju. Skor 2 pula seramai 12.7% untuk pilihan Tidak Setuju, Kurang Setuju bagi skor 3 seramai 23.8%, Setuju bagi skor 4 sebanyak 44.4% dan Sangat Setuju bagi skor 5 seramai 19.0%. Jika dilihat dari keseluruhannya dapatlah disimpulkan bahawa kebanyakan responden telah dapat menguasai hukum tajwid dan mengadaptasikannya dalam bacaan melalui kod warna.

Penilaian Input bagi kemudahan prasarana, hasil kajian telah dikemukakan sepertimana berikut mengikut peratusan, dan min yang telah diperolehi :

Jadual 12: Penilaian Input Kemudahan Prasarana

Bil	Item	1	2	3	4	5	Min	S.P	Interpretasi
1	Bahan rujukan pembelajaran disediakan.	-	1 1.6%	13 20.6%	35 55.6%	14 22.2%	3.98	0.71	Sederhana Tinggi
2	Kemudahan <i>mashaf Uthmani</i> terkini tidak mencukupi.	1 1.6%	8 12.7%	31 49.2%	16 25.4%	7 11.1%	3.32	0.90	Sederhana Tinggi
4	Makmal Komputer, Bilik Media dan Bilik Maya sangat membantu pembelajaran al-Quran.	6 9.5%	1 1.6%	11 17.5%	25 39.7%	20 31.7%	3.83	1.19	Sederhana Tinggi
Purata skor min							3.71		Sederhana Tinggi

Jadual 12 menunjukkan penilaian kemudahan prasarana dalam pembelajaran kod tajwid berwarna telah diuji melalui soalan di atas. Keputusan yang diperolehi dari item soal selidik 1 mendapati tiada pelajar yang memilih untuk skor 1, 1.6% untuk skor 2, 20.6% skor 3, 55.6% skor 4 dan skor 5 sebanyak 22.2%. Soalan 2 pula sebanyak 1.6% untuk pilihan skor 1, 12.7% untuk skor 2, 49.2% untuk skor 3, 25.4% untuk skor 4 dan 11.1% untuk skor 5. Dapatan daripada soalan 3 dilihat 9.5% memilih untuk skor 1, 1.6% skor 2, 17.5% skor 3, 39.7% untuk skor 4 dan 31.7% bagi skor 5. Min keseluruhan setiap item soalan pula adalah sederhana tinggi dengan nilai 3.71. Statistik bagi Penilaian Input Kurikulum pula dapat dilihat sepertimana jadual 12 di bawah:

Jadual 13: Penilaian Input: Kurikulum

Bil	Item	1	2	3	4	5	Min	S.P	Interpretasi
1	P&P tilawah al-Quran dan <i>tasmik</i> di bilik darjah sangat membantu kemahiran tajwid saya.	1 1.6%	3 4.8%	15 23.8%	19 30.2%	25 39.7%	4.02	0.99	Tinggi
2	Latihan yang diberikan oleh guru membantu meningkatkan kemahiran saya.	1 1.6%	2 3.2%	7 2.6%	24 41.8%	29 54.6%	4.24	0.89	Tinggi
3	Buku panduan tajwid perlu dijadikan sebagai bahan rujukan di bilik darjah.	1 1.6%	2 3.2%	11 23.4%	30 36.9%	19 27.7%	4.02	0.87	Tinggi
Purata skor min							4.09		Tinggi

Dapatan kajian berdasarkan jadual 13, seramai 1.6% memilih skor 1, 4.8% skor 2, 23.8% skor 3, 30.2% skor 4 dan 39.7% skor 5. Bagi soalan 2, 1.6% untuk skor 1, 3.2% skor 2, 11.1% skor 3, 38.1% skor 4 dan skor 5 sebanyak 46.0%. Soalan 3 dilihat responden memilih skor 1 dan 2 sama banyak dengan bilangan peratus bagi soalan 2, untuk skor 3 pula sebanyak 17.5%, 47.6% bagi skor 4 dan 30.2% untuk skor 5. Nilai min bagi setiap item soalan input kurikulum pula mencapai nilai yang tinggi iaitu dengan soalan 2 nilai min 4.24, diikuti dengan soalan 1 dan 3 dengan nilai yang sama iaitu 4.02. Statistik ini menunjukkan bahawa standard kurikulum menepati kehendak pembelajaran responden yang mempunyai potensi pelbagai.

11.0 PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian menunjukkan kebanyakan pelajar telah menguasai bacaan bertajwid berdasarkan kod warna, merujuk jadual 7. Majoriti mereka memperoleh skor 1 dan 2 iaitu cemerlang dan baik dalam bacaan al-Quran. Satu kajian oleh Ruzaini dan Siti Hajar (2009), satu pendekatan inovatif telah dibina dalam membantu murid menguasai hukum Mad Asli dengan mudah. Penguasaan pelajar dalam kajian ini telah menunjukkan peningkatan sebanyak 50% dalam aspek bacaan mahupun mengenal pasti hukum. Justeru itu, elemen warna dilihat berupaya merangsang responden dalam kajian tersebut. Dalam hal ini, guru perlu mempelbagaikan teknik dan strategi pengajaran dan pembelajaran. Mengikut Azman Wan Chik (1986), dalam kaedah bersepadu guru boleh menggunakan usaha dan kreatif sendiri untuk mengajar mengikut kebolehan dan kemampuan murid-murid. Kaedah ini adalah kaedah campuran daripada kaedah-kaedah lain mengikut kesesuaian murid, situasi bilik darjah, dan bahan-bahan bacaan yang digunakan termasuk juga dalam pengajaran al-Quran.

Namun begitu, masih ada yang kelihatan ragu-ragu dalam bacaan sepanjang tempoh penilaian dengan mendapat skor 4 iaitu lemah. Hal demikian ini dapat dilihat semasa pemerhatian *tasmik* individu. Kelihatan segelintir responden berusaha menghabiskan bacaan dalam tempoh yang singkat tanpa mengambil berat tentang kemahiran tajwid yang telah dipelajari. Oleh yang demikian, Abdul Raof (1993) menjelaskan gabungan pelbagai aktiviti pengajaran yang melibatkan strategi, pendekatan, kaedah dan teknik akan membawa kepada pengajaran yang berkesan. Al-Nashmy (1980) mencadangkan agar guru memilih kaedah yang boleh memberi kesan yang mendalam bukan sahaja kepada kefahaman setiap pelajar, malah memberi kesan kepada jiwa dan dalaman pelajar. Dengan cara ini, pelajar akan memberi tumpuan dan dapat mengingat pelajaran dengan lebih cepat dan ingatan yang lebih lama.

Perbincangan dalam bahagian ini juga menyentuh aspek kefahaman pelajar terhadap kaedah warna bertajwid dari aspek amalan. Dapatan kajian menunjukkan kefahaman pelajar dalam aspek amalan di sekolah ini belum menyeluruh. Terdapat ruang-ruang yang perlu diperbaiki dan perlu diberi perhatian khusus. Antaranya ialah perlaksanaan amalan bacaan bertajwid di sekolah dan di rumah hendaklah sentiasa diamalkan walaupun peratusan pelajar yang faham adalah tinggi tetapi mereka masih belum dapat menguasai kod warna hukum-hukum tajwid dengan sempurna jika tidak menggunakan *mashaf al-Quran Rasm Uthmani* terkini. Guru Pendidikan Islam memainkan peranan penting dalam melaksanakan kelancaran kaedah warna bertajwid dan memastikan pelajar dapat menguasainya. Menurut Ngalim (1990) bahawa punca para pelajar hilang tumpuan semasa belajar dalam bilik darjah adalah disebabkan oleh cara guru menerangkan dan menggunakan bahan pengajaran yang membosankan. Amalan pengajaran Tilawah al-Quran yang berkesan akan meningkatkan kualiti pengajaran guru pendidikan Islam.

Hasil dapatan kajian berdasarkan analisis deskriptif dapat dirumuskan seperti berikut;

- a) Dapatan kajian berdasarkan penilaian terhadap konteks iaitu tahap kerelevanan matlamat dan hasil pembelajaran tajwid berwarna adalah sederhana tinggi.
- b) Dapatan kajian penilaian terhadap konteks iaitu tahap perlaksanaan pembelajaran tajwid adalah sederhana tinggi
- c) Dapatan kajian berdasarkan penilaian terhadap input iaitu tahap kemahiran dan pengetahuan Kod Tajwid Berwarna adalah sederhana tinggi .
- d) Dapatan kajian menunjukkan penilaian terhadap input iaitu tahap kemudahan prasarana adalah sederhana tinggi .
- e) Dapatan kajian menunjukkan penilaian terhadap input iaitu tahap kurikulum adalah tinggi.

12.0PENUTUP

Penggunaan kaedah warna diyakini dapat meningkatkan amalan pembacaan al-Quran secara bertajwid yang konsisten. Kepelembagaan warna pada kalimah dan huruf-huruf tertentu di dalam al-Quran berupaya mendorong perhatian pembaca. Kaedah yang berfokus kepada pemahaman dan pembacaan secara tajwid ini dapat dilihat melalui kod-kod tertentu. Hal ini mengingatkan para pembaca agar sentiasa ingat dan peka dengan hukum-hukum tajwid yang berasaskan warna untuk lebih berhati-hati dalam pembacaan. Selain untuk memberi kefahaman kepada pelajar bahawa warna juga berperanan sebagai agen penyatuan, penumpuan dan keseimbangan dalam visual seperti mewujudkan perasaan harmoni, memudahkan sesuatu item dilihat dan diingat, membuat penegasan dan mewujudkan tumpuan, mempengaruhi emosi dan menceriakan pembacaan.

Secara umumnya kaedah warna sememangnya berkesan dan dapat mencapai objektif yang ditetapkan sekiranya mengikut arahan dan sukatan sebagaimana yang dikehendaki. Namun demikian masih terdapat kelemahan dalam pelaksanaan dan keberkesananannya dari aspek amalan. Tidak dinafikan juga ada kekuatan dan keberkesanan yang boleh kita lihat berdasarkan analisis yang telah dikaji oleh penyelidik. Al-Quran terkini dilihat mampu menarik minat dalam pembacaan bertajwid namun kelebihan *Rasm Uthmani* terdahulu masih relevan untuk pelajar yang mempunyai daya ingin tahu dalam mendalami hukum-hukum tajwid secara menyeluruh dan terperinci. Kedua-dua cetakan *mushaf* (dahulu dan sekarang) mempunyai kelebihan masing-masing yang mampu meningkatkan kualiti bacaan al-Quran bagi yang berminat dan konsisten dalam mempelajarinya.

Melalui kajian yang dijalankan ini juga, sedikit sebanyak telah mengumpul pelbagai maklumat penting serta fakta yang berguna yang boleh dikongsi bersama mereka yang berminat untuk melakukan kajian. Penyelidik sendiri memperoleh manfaat yang besar ketika melakukannya. Kemantapan agama dalam diri individu mempunyai perkaitan yang amat rapat dengan kemampuan pelajar untuk menguasai serta membudayakan amalan tilawah bertajwid dalam kehidupan. Diharap kaedah warna mampu membuktikan amalan membaca al-Quran bertajwid yang disemai sejak kecil mampu membiak subur sehingga pelajar menjejak ke alam dewasa dan seterusnya menjadi generasi yang celik al-Quran.

13.0BIBLIOGRAFI

- Ab. Halim Tamuri & Mohamad Khairul Azman Ajuhary. "Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam Berkesan Berteraskan Konsep Mu'allim". *Jurnal of Islamic and Arabic Education* 2(1), 2010 43-56
- Abdul Raof Dalip.(1998). *Teknik Pengajaran dan Pembelajaran Agama Islam di Sekolah Menengah Dalam Pendidikan di Malaysia*. Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ag Ruzaini Ag Ali Omar & Siti Hajar Ahmad Sabari. 2012. "Penggunaan Warna Dalam Pengajaran Hukum Mad Asli Terhadap Murid Tahun Lima Dalam Bacaan Surah Ad-Dhuha". Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang; Sarawak.
- An-Nashmy, Ajil Jasim. 1980. *Ma'alim fi Tarbiyah*. Kuwait: Maktabah al-Manar.
- Azman Wan Chik. 1986. *Ujian Bahasa Malaysia: Panduan dan Teknik*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Hajijah Hasan. 2008. *Kaedah Mesra Warna dalam Kalangan Pelajar Tingkatan Lima*. Kajian Tindakan Sempena Hari Profesionalisme SMK Majakir Papar.
- Jamalludin Harun & Zaidatun Tasir. 2003. *Multimedia dalam Pendidikan*. Pahang: PTS Publication & Distributors Sdn.Bhd
- Juliza Rosli. 2007. *Mengurangkan Kesalahan Murid Tahun Dua Membaca Tanda Fathah, Kasrah dan Dhammah dengan Menggunakan Kaedah Mesra Warna*. Prosiding Penyelidikan Tindakan 2010 PISMP Ambilan Januari 2007. Pp. 71-78
- Jurnal Pendidikan Islam*. Jilid 13 Bil 1, 2008. ISSN 0127-5153. Selangor: Yayasan Takmir – Pendidikan.
- Kamarul Azmi Jasmi & Ab. Halim Tamuri. 2007. *Pendidikan Islam: Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran*. Johor: Penerbit UTM
- Kamarul Azmi Jasmi & Mohd Aderi Che Noh. 2013. "Sejarah, Kaedah Serta Model Pengajaran Dan Pembelajaran Al-Quran". UTM & UKM
- Kamarul, A. J., Ab. Halim, T., & Mohd Izham, H. (2009). Sifat dan Peranan Keperibadian Guru Cemerlang Pendidikan Islam (GCPI) dan Hubungannya Dengan Motivasi Pelajar. *Jurnal Teknologi*, 51(E):57-71.

- KamarulAzmi 2010. Guru Cemerlang Pendidikan Islam Sekolah Menengah Di Malaysia: Satu Kajian Kes. Tesis Phd. Bangi :Universiti Kebangsaan Malaysia
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. 1970. Determining Sample Sizes For Research Activities. *Educational and Psychological Measurement*, 607-610
- Mahizer Hamzah, Abdul Talib Mohamed Hashim, Noraini Mohamed Noh & Norazilawati Abdullah.n.d. KRL 3033 Kaedah Penyelidikan Dalam Pendidikan Sekolah Rendah. Perak : UPSI
- Mohd Aderi Che Noh. "Amalan Pengajaran Tilawah Al-Quran: Satu Tinjauan Terhadap Persepsi Guru di Sekolah Menengah Harian Malaysia". *Jurnal of Islamic and Arabic Education* 1(1) 57-72.
- Mohd Najib Abdul Ghafar. 1999. Penyelidikan Pendidikan. Edisi Pertama. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia
- Muhamad Hassan Abd Rahman. 2000. Media pengajaran-penghasilan bahan pengajaran berkesan.Kuala Lumpur: UPM.
- Ngalim Purwanto.1990. Psikologi Pendidikan. Bandung: Rosdakarya.
- Sapie Sabilan, Suhana Mohamed Lip Mohamad Fuad Ishak, Zetty Nurzuliana Rashed, Suziana Hanini Sulaiman, Rekkeman Kusut & Mohd Kamal Din @ Mohd Nasirudin. 2015. "Penilaian Terhadap Latihan Mengajar Program Diploma Perguruan (TASL), Diploma Perguruan (TESL) dan Diploma Perguruan Pendidikan Islam Fakulti Pendidikan Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor: Teori dan Praktis". Selangor: KUIS.
- Siti Afifah Munirah & Wan Nasyrudin Wan Abdullah. 2014. "Pengaplikasian Manhaj Rasulullah SAW Dalam Proses Pengajaran Dan Pembelajaran Bagi Program Pengajian Tahfiz Al-Quran Di Penjara Pengkalan Chepa Kelantan". *Prosiding Seminar Pengajaran & Pembelajaran Bahasa Arab* 2014. ISBN 978-967-5478-78-9: Fakulti Pengajian Islam UKM & Fakulti Kontemporari Islam UnisZA.
- Stufflebeam, D.L. 2000. The CIPP Model For Evaluation. In D.L. Stufflebeam, G. F. Madaus, & T. Kellaghan, (Eds.), *Evaluation models* (2nd ed.). (Chapter 16). Boston: Kluwer Academic Publishers.
- Zulina Ahmad Zawawi & Ramlah Mohd Dom. 2012. Elemen Warna, Ruang dan Irama Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Pendidikan Islam dalam kalangan Guru Pelatih Semester 5 IPG Kampus Pendidikan Islam. Paper presented at the Persidangan Pendidikan Islam Kebangsaan 2012, Negeri Sembilan.